

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 05 Tahun 2019

PEMATUHAN KEPADA KOD NILAI DAN ETIKA WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kewajipan warga UiTM kepada pematuhan kepada Kod Nilai dan Etika Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 11/2019 pada 15 Mei 2019 telah meluluskan penerbitan Kod Nilai dan Etika Warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).
3. Kod Nilai dan Etika Warga UiTM adalah satu garis panduan dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang menggabungkan penghayatan Budaya PERDANA serta tindakan berlandaskan undang-undang, peraturan, pekeliling, dasar dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa untuk dipatuhi oleh warga UiTM.
4. Kepatuhan terhadap undang-undang, dasar dan peraturan universiti oleh staf dan pelajar Universti Teknologi MARA amatlah dititik beratkan oleh pihak pengurusan universiti.
5. Kesedaran staf dan pelajar terhadap isu-isu integriti adalah penting bagi mengelakkan sebarang tindakan yang boleh diambil kepada mereka atas faktor kecuaian dan kelalaian dalam memahami undang-undang, dasar dan peraturan universiti.

PELAKSANAAN

6. Kod Nilai dan Etika Warga UiTM boleh dimuat turun melalui laman sesawang Unit Integriti di <https://integriti.uitm.edu.my>.
7. Staf UiTM hendaklah membaca, memahami dan mematuhi Kod Nilai dan Etika Warga UiTM dan menandatangani Surat Pernyataan Komitmen pematuhan kepada Kod Nilai dan Etika Warga seperti di **Lampiran A**.
8. Ketua Jabatan hendaklah memastikan setiap staf di bawah seliaan masing-masing membaca dan memahami dengan sepenuhnya Kod Nilai dan Etika Warga UiTM. Rekod tandatangan Surat Pernyataan Komitmen perlu disimpan dan dikemaskini di peringkat Pusat Tanggungjawab.

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Julai 2019

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 15 Julai 2019

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga staf Universiti Teknologi MARA.



PROFESOR EMERITUS IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM

Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada :

Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fal : 100-UiInt(6/7/1)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2)

Lampiran A

**SURAT PERNYATAAN KOMITMEN
PEMATUHAN KEPADA KOD NILAI DAN ETIKA WARGA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Saya, No. Kad Pengenalan :
dengan ini:

- a) mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami dengan sepenuhnya Kod Nilai dan Etika Warga Universiti Teknologi MARA; dan
- b) saya menyatakan komitmen untuk mematuhi sepenuhnya Kod Nilai dan Etika Warga Universiti Teknologi MARA.

.....
(Tandatangan Staf)

.....
(Jawatan Staf)

Tarikh:

Disahkan oleh:

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama :
No. Kad Pengenalan:
Cop Ketua Jabatan :

Tarikh: